

27/06/1998

Nasib Malaysia lebih baik: PM

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketiadaan beban hutang luar yang besar dan kekuatan di segi ekonomi adalah faktor utama menyebabkan Malaysia tidak perlu meminta bantuan kewangan dari Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, Perdana Menteri berkata keadaan politik yang stabil dengan kerajaan yang memerintah mendapat sokongan majoriti rakyat juga turut membantu kekuatan negara ini.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia agak bernasib baik jika dibandingkan dengan beberapa negara di rantau ini yang mengalami kesan teruk daripada kejatuhan nilai mata wang dan saham.

"Sekarang ini, kekayaan kita sudah turun sebanyak 60 peratus. Daripada RM2.50 bagi setiap dolar Amerika, kini ia menjadi RM4. Tapi, setakat itu sahaja.

"Cuba lihat Indonesia, Thailand dan Korea. Mereka semua sudah jatuh miskin akibat kejatuhan nilai mata wang sehingga terpaksa mengaku kalah," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Kepemimpinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Pusat Islam, di sini hari ini.

Menurutnya, apabila negara berkenaan meminta bantuan kewangan daripada IMF, badan kewangan itu akan mengenakan syarat yang memastikan negara terbabit berada di bawah kuasa mereka.

"Jelas sekali, itu ciptaan mereka bagaimana hendak menguasai negara tanpa sebutir peluru pun," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika Malaysia tunduk kepada IMF, tabung mata wang itu akan mengenakan syarat yang menyukarkan, termasuk menghapuskan syarat pemilikan 70 peratus Bumiputera dalam syarikat, bank dan insurans.

"Kalau mereka (IMF) masuk, kita akan menjadi koloni kepada mereka. Tiada lagi kebebasan," katanya.

Dr Mahathir juga membangkitkan isu mengenai pembentukan dunia tanpa sempadan seperti disokong oleh pihak tertentu, terutama di segi aliran modal tetapi bukan di segi manusia.

Beliau juga kecewa dengan hakikat bahawa sesetengah pihak menyamakan masalah yang berlaku di Malaysia dengan di Indonesia.

Perdana Menteri berkata, sistem politik Malaysia berbeza berbanding di Indonesia, terutama di segi menteri Kabinet negara ini tidak boleh terbabit dalam perniagaan.

(END)